

Tel: 088-283283  
Fax: 088-239046  
E-mail: doasabah@sabah.gov.my  
Laman Web: www.sabah.gov.my/tani

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JPTN(IP):100-4/14/Klt.3/(8)

Tarikh: 03 Oktober 2011



SABAH, MALAYSIA



Jabatan Pertanian Sabah

Kementerian Pertanian & Industri Makanan Sabah

Aras 1, 5, 6 & 7, Wisma Pertanian Sabah

Jalan Tasik, Luyang

Off Jalan Maktab Gaya

Beg Berkunci No. 2050

88632 KOTA KINABALU

***Sila lihat senarai agihan (Lampiran 1) yang disertakan***

**ARAHAN JABATAN (KEWANGAN) BIL. 5/2011**

**PENUTUPAN AKAUN JABATAN MENGAKAUN SENDIRI (JMS) TAHUN 2011**

- KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
- JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK
- JABATAN PERTANIAN SABAH

**1. TUJUAN**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan semua Pegawai Pengawal/Pegawai Pengakaun/Pemegang Waran/Pengurus Projek dan semua pihak yang terlibat dalam proses penyediaan pembayaran mengenai:

- (i) Tarikh terakhir penerimaan baucar oleh Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sabah untuk memproses bayaran sebelum Penutupan Akaun 2011.
- (ii) Tindakan yang perlu diambil untuk mengelakkan bayaran lewat dan mengurangkan jumlah pembayaran yang dipertanggungjawabkan kepada Akaun Kena Bayar selaras dengan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 6/2007.
- (iii) Langkah-langkah yang harus diambil agar projek dan perolehan di bawah Perbelanjaan Imbuhsbalik Persekutuan dapat diimbuhbalik kepada Kerajaan Negeri pada tahun semasa.
- (iv) Hanya perbelanjaan Perbekalan (S) dan Pembangunan (D) tahun 2011 dipertanggungkan dalam Akaun Kena Bayar (AKB).
- (v) Perbelanjaan Akaun Amanah (K) dalam tahun 2011 yang belum dibayar dalam Akaun Disember 2011 hendaklah dibayar dalam tahun kewangan 2012.
- (vi) Baucar yang dibenarkan dalam tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) hanyalah baucar untuk menjelaskan tanggungan kerja dan perkhidmatan yang telah dilaksanakan dalam bulan Disember 2011.
- (vii) Baucar yang ditolak hanya diterima untuk diproses dalam tahun kewangan 2012 dan dikehendaki memohon kelulusan Arahan Perbendaharaan 58(a).

...2/-

Ruj. : JPTN(IP)100-4/14/Klt.3/(8)  
Tarikh : 03 Oktober 2011  
Perkara : Arahan Jabatan (Kewangan) Bil. 5/2011  
Penutupan Akaun Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) Tahun 2011  
Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan  
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak  
Jabatan Pertanian Sabah

## 2. LATAR BELAKANG

Masalah Akaun Kena Bayar yang tinggi telah menjadi kelemahan yang sering dibangkitkan dalam Laporan Audit ke atas Akaun Kerajaan Negeri setiap tahun. Dalam tahun 2006, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan arahan agar perkara ini dapat ditangani oleh semua Kementerian/Jabatan Negeri agar ianya dapat dibendung sepenuhnya.

Bagi membendung masalah tersebut, berikut adalah langkah-langkah dan jadual penghantaran baucar bagi Jabatan Pertanian di agensi yang akaunnya diuruskan oleh Jabatan Pertanian selaku Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS).

## 3. JADUAL PENGHANTARAN BAUCAR BAYARAN

3.1 Untuk melicinkan pemprosesan bayaran akhir tahun ini dan mengelakkan longgokan baucar di Seksyen Kewangan, tarikh akhir penghantaran baucar akan dibuat secara berperingkat seperti berikut:

Bil.	Baucar Pembayaran Kerja/Projek/Perolehan/ Perkhidmatan yang dilaksanakan Bagi Perbelanjaan Perbekalan (S), Pembangunan (D) dan Amanah (K)	Tarikh Akhir Penerimaan
i.	Siap sehingga 15 Oktober 2011 termasuk akaun amanah	
ii.	Semua projek/perolehan di bawah perbelanjaan Imbuhsbalik Persekutuan	30 November 2011
iii.	Siap pada 16 Oktober 2011 hingga 30 November 2011	
iv.	Tuntutan Perjalanan Bulan November 2011  <b>Nota: Tarikh akhir penerimaan baucar bagi akaun amanah ialah pada 10 Disember 2011</b>	10 Disember 2011
v.	Siap 01 Disember 2011 hingga 15 Disember 2011	
vi.	Baucar pembayaran RM50,000 dan ke atas yang dibayar di Jabatan Bendahari Negeri	21 Disember 2011
vii.	Siap 16 Disember 2011 hingga 26 Disember 2011	28 Disember 2011
viii.	Siap pada 31 Disember 2011	
ix.	Tuntutan Perjalanan Bulan Disember 2011	05 Januari 2012
x.	Baucar Ditegur	18 Januari 2012

Ruj. : JPTN(IP)100-4/14/Klt.3/(S)  
Tarikh : 03 Oktober 2011  
Perkara : Arahan Jabatan (Kewangan) Bil. 5/2011  
Penutupan Akaun Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) Tahun 2011  
Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan  
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak  
Jabatan Pertanian Sabah

- 3.2 Kerja/projek/perolehan/perkhidmatan yang siap lebih awal adalah digalakkan menghantar baucar bayaran ke Seksyen Kewangan sebaik sahaja kerja-kerja tersebut siap. Ini adalah selaras dengan **Arahan Perbendaharaan 103** yang mengkehendaki bayaran dibuat ke atas kerja-kerja yang telah disiapkan dalam masa **empat belas (14) hari**.
- 3.3 Seksyen Kewangan tidak akan bertanggungjawab ke atas baucar bayaran atau mana-mana baucar bayaran yang ditegur atau lambat diterima dan berhak menolak baucar bayaran yang diterima selepas tarikh akhir penerimaan baucar yang ditetapkan. Baucar bayaran yang diterima pada bulan **Januari 2012** adalah dikehendaki untuk mematuhi **Arahan Perbendaharaan 58(a)** kecuali baucar bayaran bagi menjelaskan tanggungan kerja dan perkhidmatan.

#### 4. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemosyikilan dalam melaksanakan arahan ini, sila berhubung dengan Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sabah di talian 088-283278 (Cik Nuraini Bt Abdullah), 088-283274 (Puan Hjh Nisma Hj Kastom), 088-283284 (Abd Halim Abd Rahim), 088-283280 (Encik Shafie Janati) atau 088-283279 (Encik Johnie David).

Puan Jessie Jinu

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'**  
**'BERJIMAT DAN MENABUNG AMALAN MULIA'**  
**'PERTANIAN ADALAH SATU PERNIAGAAN'**

(DATUK M.C. ISMAIL SALAM)  
PENGARAH PERTANIAN

Ruj. : JPTN(IP)100-4/14/Klt.3/(8)  
Tarikh : 03 Oktober 2011  
Perkara : Arahan Jabatan (Kewangan) Bil. 5/2011  
Penutupan Akaun Jabatan Mengakau Sendiri (JMS) Tahun 2011  
Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan  
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak  
Jabatan Pertanian Sabah

s.k. Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
Wisma Kewangan  
Beg Berkunci 2058  
88595 KOTA KINABALU

(Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 6/2011 ada kaitan)

s.k. Setiausaha Tetap  
Kementerian Pertanian & Industri Makanan  
Aras 8, Blok A  
Wisma Pertanian Sabah  
88632 KOTA KINABALU

s.k. Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Haiwan & Perusahaan Ternak  
Aras 3, Blok B  
Wisma Pertanian Sabah  
88999 KOTA KINABALU

s.k. Semua Ketua Seksyen Jabatan Pertanian

s.k. Semua Pegawai Pertanian Daerah